

6916

**Warisan: Jernal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 21 (1998)**




2

**PERANG
SENAPANG DAN PARANG
(PERANG BATU KIKIR)**

**Oleh:
JAMALUDIN SAMSUDIN**

PENGENALAN

Batu Kikir Itulah nama sebuah pekan kecil di Negeri Sembilan yang terletak kira-kira 16km dari Kuala Pilah dan 12km dari Bahau. Nama Batu Kikir ini terbit daripada sebuah tempat kawasan bukit yang dikorek untuk mengeluarkan batu kelikir berhampiran pekan ini.



'Simpang Empat' pekan Batu Kikir. Motosikal yang kelihatan sedang menuju ke arah Bahau. (Sekarang bangunan kedai telah dimusnahkan. Tapak ini kini dijadikan kawasan lapang).

Sebelum mendapat namanya seperti sekarang ini, pekan Batu Kikir ini bernama pekan Simpang Empat atau Simpang sahaja. Bila berlakunya perubahan nama ini tidaklah diketahui dengan tepat. Ada yang berpendapat pertukaran itu berlaku pada sekitar tahun 1930-an atau sebelum datangnya Jepun.

Pekan ini terletak di pertemuan jalan Kuala Pilah - Bahau dan Kawasan Ulu Jempol - Kuala Jempol. Pada masa itu jalan di pekan Simpang ini hanyalah jalan kecil yang dilalui oleh kereta kuda dan kereta lembu di samping pejalan kaki.

Basikal pertama sampai ke pekan ini adalah pada sekitar awal 1920-an. Basikal itu dipunyai oleh Tuan Hj. Ismail, ketua kampung pada masa itu. Ramai orang berkerumun di sekeliling basikal

itu dengan penuh kehairanan kerana itulah pertama kali mereka melihat basikal. Orang pertama yang mempunyai peti nyanyi di pekan Simpang ini ialah Kaul. Peti nyanyi itu dibawa ke merata tempat di sekitar pekan Simpang dan tempat-tempat yang berhampiran. Sesiapa yang berminat untuk mendengar lagu dikenakan bayaran satu sen bagi sebuah lagu. Ramai orang pelik dan melihat-lihat ke dalam corong peti itu kalau-kalau terdapat orang yang menyanyi di dalamnya.

Pada sekitar tahun 1920-an itu pekan Simpang hanya mempunyai beberapa buah kedai sahaja. Antaranya ialah kedai membeli damar hutan yang dipunyai oleh Deraman, sebuah kedai minum, kedai emas dan beberapa buah kedai Cina menjual garam yang didatangkan dari Melaka. Minyak masak dan gula masih belum lagi dijual di pekan ini. Di sekitar pekan hanya terdapat lima buah rumah kediaman sahaja.

Menjelang kehadiran Jepun, pekan Batu Kikir telah mempunyai banyak kedai. Ramai peniaga Cina telah datang berniaga. Orang Cina juga telah mula mendiami kawasan-kawasan pedalaman di Ulu Jempol, terutamanya di pekan Padang Lebar dan sekitarnya.

Pada hari ini ramai kaum Melayu, Cina dan India yang tinggal di pekan Batu Kikir. Di pekan ini terdapat lima buah kawasan perumahan. Jalan Kuala Pilah-Bahau merupakan jalan utama yang melalui pekan ini. Jalan ke Ulu Jempol telah diubah kedudukannya supaya dapat diperbesar. Jalan lama masih selebar itu juga dan tidak digunakan lagi. Jalan ke Kuala Jempol telah diturap tetapi tidak dibesarkan dan digunakan sebagai jalan kampung. Batu Kikir sekarang merupakan sebuah pekan kecil yang serba lengkap dengan kemudahan asas.

Dalam kesibukan urusan harian, tidak ramai generasi muda sekarang yang mengetahui tentang peristiwa hitam yang berlaku di pekan kecil yang tenang ini. Pekan ini pernah seketika menjadi medan pertempuran antara senjata api dengan parang. Walau bagaimanapun, sejarah terperinci peristiwa ini tidak diketahui. Penulisan ini adalah untuk merakamkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada orang-orang tua yang hidup dan menyaksikan peristiwa tersebut. Bilangan mereka ini semakin kurang dan akan 'hilang' tidak lama lagi. Daya ingatan mereka juga, oleh sebab keumuran, semakin kurang. Sebelum mereka 'pergi' dan 'hilang

ingatan' pengalaman mereka itu harus didokumentasikan. Maklumat mereka ini, walaupun tidak lengkap boleh digunakan sebagai bahan untuk difikirkan dan disiasat dengan lebih mendalam, di samping menjadi teras tauladan kepada generasi muda.


Peristiwa Amuk di Padang Lebar.

Peristiwa amuk di Padang Lebar yang terjadi pada 6 November 1946 ini mempunyai kaitan dengan perang di Batu Kikir. Peraturan-peraturan dan larangan-larangan yang dikenakan oleh pihak Bintang Tiga selepas peristiwa tersebut secara tidak sengaja telah

mengakibatkan tercetusnya perang Batu Kikir.


Dalam peristiwa di Padang Lebar, orang kampung telah membunuh hampir semua penduduk yang berketurunan Cina di pekan Padang Lebar. Peristiwa itu berlaku akibat rasa tertekan orang Melayu oleh kezaliman pemerintahan Bintang Tiga telah melihatnya sebagai perbuatan jenayah atas alasan kesemua orang Cina yang terbunuh dianggap sebagai orang awam. Walau bagaimanapun sehingga kini orang di kawasan ini menganggap mereka ialah ahli Bintang Tiga yang berpengkalan di suatu kawasan hutan, tempat

memecah batu berhampiran Kampung Serting. Pada masa itu, pekan Simpang Pertang adalah markas besar Bintang Tiga. Mereka menjadikan gua-gua di hutan berhampiran sebagai tempat bersembunyi.



PETA 1
Peta lakar menunjukkan pekan Padang Lebar dan pekan Batu Kikir

Kedai lama pekan Padang Lebar dilihat dari Pusat Kesihatan Kecil Padang Lebar (Sebahagian daripada bangunan ini tidak digunakan lagi)



Selepas tentera Jepun menyerah kalah pada 1945, ahli-ahli pasukan Bintang Tiga telah keluar dari hutan. Mereka bertindak ke atas orang Melayu yang telah menjadi tali barut Jepun. Kesempatan ini diambil oleh orang Cina di Padang Lebar untuk menganiaya orang Melayu. Dengan diketuai oleh Ah Chow, mereka bersama dengan ahli-ahli Bintang Tiga yang lain telah menangkap dan menghukum ramai orang Melayu walaupun atas kesalahan paling kecil seperti mempertikai harga ikan yang mahal yang dijual orang Cina. Kesalahan ini dijadikan isu lalu dikenakan hukuman mati pada si pembeli tersebut.

Ketika Bintang Tiga berkuasa, ramai orang Melayu yang telah dihukum dan dibunuh. Antara hukuman yang dikenakan adalah denda yang tidak munasabah dengan tujuan orang tersebut boleh

dihukum dengan lebih berat lagi kerana tidak dapat membayar denda yang dikenakan. Antara mereka yang 'terperangkap' dengan denda tersebut ialah Lebai Deraman dari Kampung Majau dan Sitam dari Kampung Tengkek. Mereka dipaksa membayar satu pikul daging kambing, wang enam puluh ribu ringgit, dua tahlil emas dan sebatang pen *Parker*. Dengan pendapatan yang kecil sebagai pesawah dan penoreh (ketika itu harga getah cuma dua sen sekati), adalah mustahil bagi kedua-dua orang ini membayar denda tersebut. Atas kerjasama dan muafakat orang-orang kampung, denda itu dapat dibayar. Setelah dinilai, didapati bahawa pada dasarnya denda tersebut, walaupun dikenakan kepada dua orang berkenaan adalah ditujukan kepada seluruh penduduk kampung.

Pasukan Bintang Tiga meneruskan keganasan mereka dengan pergi dari satu rumah ke satu rumah untuk mencari orang yang mereka syaki. Salah seorang daripada orang berkenaan ialah Tuan Haji Jaafar. Namun ketika sampai di rumahnya, beliau tiada di rumah. Mereka seterusnya beredar pula ke rumah Togho Maakin yang ketika itu sedang menumbuk cili di dapur untuk persediaan bersahur. Beliau dibunuh dan mati di situ juga. Ketika itu juga berita tentang pihak Bintang Tiga akan menangkap empat puluh orang Melayu lagi dalam tempoh dua minggu tersebar luas. Khabar ini pula disahkan oleh seorang Cina dari pekan Padang Lebar.

Berita tersebut menyebabkan orang-orang Melayu naik berang lalu mereka bermuafakat tentang tindakan yang patut diambil. Mereka mengambil kata putus untuk menghapuskan kesemua orang Cina di pekan Padang Lebar. Beberapa persediaan dibuat untuk melaksanakan rancangan mereka. Haji Dollah dan beberapa orang penduduk kampung telah ke Kampung Lonek (lebih kurang tiga kilometer dari pekan Batu Kikir) untuk bertemu dan menuntut ilmu persilatan daripada Kiai Selamat¹, seorang yang alim dan arif dalam bidang persilatan. Haji

Dollah telah dianggap sebagai perancang dan ketua dalam peristiwa Padang Lebar oleh pihak British.

Pada jam sembilan pagi hari Selasa, orang-orang kampung berhimpun di pekan Padang Lebar untuk memulakan rancangan mereka. Mereka berpecah dan berkumpul berasingan di sepanjang jalan di pekan kecil itu. Beberapa orang penduduk yang tidak tahan sabar lagi telah mendesak supaya dimulakan amukan. Peristiwa amukan itu dimulakan oleh Datuk Nara Sutin bin Daim, seorang guru. Mangsa pertamanya seorang bapa yang sedang mendukung anaknya. Kepala mangsa dipenggal. Tindakan Datuk Nara Sutin ini diikuti oleh anak muridnya. Mereka memenggal orang-orang Cina yang berada berhampiran di kawasan itu.

Dalam kejadian ngeri itu, semua penduduk Cina di dalam Pekan Lebar telah dibunuh, kecuali seorang, bernama Chi Kun. Beliau berjaya melarikan diri walaupun mengalami kecederaan di bahagian perut; dan terselamat selepas mendapat rawatan di pekan Kuala Pilah. Dia merupakan saksi utama peristiwa tersebut. Mangsa-mangsa yang dibunuh, kebanyakannya dibunuh oleh mereka yang berdendam atas kematian keluarga

dan saudara mereka oleh Bintang Tiga.

Kejadian tersebut sampai ke pengetahuan pihak Bintang Tiga. Satu pasukan Bintang Tiga telah dihantar ke pekan Padang Lebar dengan tujuan menuntut bela. Dalam perjalanan, mereka telah dihalang oleh satu pasukan tentera Gurkha yang telah diarahkan supaya melindungi orang-orang Melayu di sekitar pekan Padang Lebar. Oleh sebab hampa tidak dapat memasuki kawasan pekan Padang Lebar, mereka sempat membunuh seorang Melayu yang kebetulan berada di situ.

Ekoran daripada peristiwa amukan itu, pihak berkuasa menahan sebelas orang penduduk tempatan dan mereka telah dijatuhkan hukuman gantung. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu hukuman gantung telah digantikan dengan hukuman penjara. Pihak berkuasa pada ketika itu telah mengeluarkan perintah melarang orang ramai membawa senjata tajam apabila keluar ke pekan. Pihak Bintang Tiga turut membantu memastikan semua penduduk mematuhi perintah tersebut. Larangan tersebut telah membawa padah pada pihak berkuasa kerana ia menjadi alasan


berlakunya pertumpahan darah bagi kali kedua. Kali ini pertumpahan darah berlaku di pekan Batu Kikir pula. Peristiwa ini terjadi tidak sampai seminggu daripada peristiwa di pekan Padang Lebar.

Perang Batu Kikir

Perang Batu Kikir adalah satu peperangan yang agak aneh jika dibandingkan dengan peperangan yang pernah berlaku di tempat lain. Dalam peperangan ini kedua-dua pihak telah menggunakan senjata yang berlainan. Satu pihak menggunakan senjata api manakala yang satu lagi menggunakan peralatan tradisional iaitu parang. Anehnya pihak yang menggunakan peralatan tradisional telah berjaya, dengan jumlah korban yang minima, menewaskan pihak yang satu lagi. Peperangan ini juga dikenali sebagai *Perang Senapang dan Parang*. Pertempuran ini berlaku pada hari Ahad bersamaan 11 November 1946, selepas waktu Asar. Walaupun ada tarikh-tarikh lain (4 April 1944 seperti yang tersiar dalam majalah *Warisan*, 1990: 33 dan 11 November 1948 oleh informan Tuan Haji Harun) tetapi tarikh 11 November 1946 lebih tepat kerana:

1. Peristiwa ini berlaku selepas penubuhan UMNO iaitu pada tahun yang sama.


2. Ia berlaku ekoran peristiwa amuk di pekan Padang Lebar.
3. Mayat-mayat telah dikutip oleh tahanan Jepun dari Kuala Pilah.
4. Tahun 1944, Tanah Melayu masih di bawah jajahan tentera Jepun.



Jambatan Batu Kikir. Pandangan daari Pekan Bau Kikir.

Selepas peristiwa di pekan Padang Lebar, pihak berkuasa melarang keras senjata tajam di bawa ke mana-mana. Bagi orang-orang Melayu membawa senjata seperti parang adalah perkara biasa sejak dahulu lagi. Pihak Bintang Tiga telah menggunakan kesempatan ini untuk menangkap dan membunuh orang-

orang yang mereka fikirkan boleh mengancam kedudukan dan kekuatan mereka. Penduduk yang bergelar "Tuan Haji" merupakan sasaran utama mereka. "Tuan-Tuan Haji" ialah orang-orang yang mempunyai pengaruh kuat di kalangan orang Melayu. Apabila "Tuan-tuan Haji" ditangkap atau dibunuh, kekuatan orang Melayu menjadi lemah. Pihak Bintang Tiga turut menangkap dan membunuh orang-orang yang mereka dendami ketika




Jambatan Batu Kikir. Berlatar belakangkan pekan Batu Kikir


tentera Jepun memerintah Tanah Melayu. Pada waktu itu ramai orang Cina dibunuh oleh tentera Jepun. Pembunuhan ini ada kaitannya dengan sejarah perhubungan antara kedua-dua negeri itu iaitu negeri Jepun memang memusuhi negeri China sejak beberapa abad yang lalu. Kampung Bukit Kelulut menjadi sasaran mereka. Beberapa orang penduduk telah dibunuh. Antaranya ialah:

1. Usuh Kambing. Kesalahan - mencuri kambing.
2. Haji Ahmad Peral. Kesalahan - kerana beliau seorang haji.
3. Ayub Kari. Kesalahan - tidak dapat dipastikan.
4. Ujang. Kesalahan - tali barut orang kampung.

Kebanyakan mereka ditahan di rumah sendiri. Agen-agen Bintang Tiga akan ke rumah-rumah mangsa dan memanggil mereka keluar. Apabila keluar, leher mereka terus ditanjul dan direntap ke tanah. Pada masa yang sama, seorang penduduk yang dihormati, Tuan Haji Husin dari Kampung Serting telah dibunuh. Tindakan Bintang Tiga ini menyebabkan orang-orang kampung mula hilang kesabaran. Kemarahan orang kampung di sekitar pekan Batu Kikir tiba kemuncaknya apabila Tuan Haji Yahya ditangkap oleh sekumpulan pasukan Bintang Tiga. Beliau ditangkap kerana didapati membawa sebilah parang dalam perjalanan

Tempat pecah batu berhampiran simpang Air Hitam-Bahau Pemandangan dari Jalan Besar Kg. Serting Tengah (Markas kecil Bintang Tiga)






Tempat pecah batu berhampiran simpang Air Hitam - B a h a u Pemandangan dari dekat (Markas Kecil Bintang Tiga)

Selamat mencari jalan terbaik untuk menyelamatkan Tuan Haji Yahya daripada tahanan Bintang Tiga.

pulang dari pekan Kuala Pilah. Penangkapan beliau telah disaksikan oleh anak buahnya, Jamin. Jamin terus menyampaikan berita tersebut ke kampungnya iaitu Kampung Lonek. Orang-orang kampung dari jauh dan dekat, termasuk dari Kampung Terusan dan Kampung Padang Lalang mula berkumpul di Kampung Lonek. Masing-masing bersenjatakan parang. Jumlah mereka hampir tiga ratus semuanya. Mereka berunding dengan Kiai

Pada sesiapa yang berani tampil ke hadapan untuk menentang ahli Bintang Tiga dianugerahkan 'ijazah' oleh Kiai Selamat. Setiap seorang dikenakan 'pengeras' sebanyak seringgit. Imam masjid Kampung Lonek ketika itu diamanahkan mengutip wang tersebut.

Masjid Kampung Lonek dari pelbagai sudut. (Pemandangan dari bahagian barat masjid)



Selesai sahaja sembahyang asar dan membaca surah Yasin dan berdoa kepada Allah S.W.T., merekapun bersiap sedia untuk ke pekan Batu Kikir. Berita menyatakan bahawa Tuan Haji Yahya akan dibawa ke pekan Kuala Pilah oleh pihak Bintang Tiga menyebabkan perarakan tadi berpecah mengikut taktik yang telah dirancang. Mereka memakai selendang merah menandakan ada mangsa yang akan menjadi korban. Dari Kampung Lonek mereka menuju ke Bukit Gombang, kemudian belok ke kanan menyeberang Sungai Jempol ke Kampung Bukit Gombang dan terus ke Kampung Bukit Kerdas. Dari Kampung Bukit Kerdas, mereka menghala pula ke simpang Bahau dan terus menuju ke pekan Batu Kikir.


Dalam perjalanan, mereka melaungkan zikir Allah. Ada antara penduduk yang berada jauh dari tempat kejadian mendengar seolah-olah zikir itu datangnya dari langit. Bagi peniaga-peniaga Cina di pekan Batu Kikir pula, mereka mengatakan telah melihat seorang penunggang

Masjid Kg. Lonek dilihat dari bahagian timur. (Bangunan di hadapan Masjid ialah Sek. Men. Ren. Agama Kg. Lonek)



kuda berpakaian serba hitam melalui jambatan Batu Kikir menuju ke arah Kuala Pilah kemudiannya terus ghaib. Bagi mereka yang menyaksikannya terus berkemas dan meninggalkan pekan tersebut. Cuma tentera Bintang Tiga yang berdegil sahaja yang tinggal.

Ketika orang-orang Melayu melalui jambatan Batu Kikir, tiba-tiba pihak Bintang Tiga melepaskan tembakan ke arah mereka menggunakan *stand gun*. Tembakan itu telah mengenai Haji Deris, Mahmud dan Seleman yang berada di barisan hadapan. Orang keempat yang tertembak tidak dapat dikenal pasti. Ada berita mengatakan beliau ialah seorang tentera berpangkat



Peta 2.

Peta lakar menunjukkan jalan lalu orang Melayu menuju ke pekan Batu Kikir

sarjan, ayah kepada Yang Berhormat Dato' Hj. Khalid Yunus.


Mahmud telah ditembak dan terkorban di situ juga. Namun, rakan-rakannya yang lain terus mara dan berjaya membunuh tiga orang Bintang Tiga. Mayat-mayat mereka telah ditetak hingga hancur. Setelah berjaya menewaskan musuh, mereka bergerak ke hadapan tetapi dihalang oleh lebih kurang tiga puluh orang musuh. Apabila diselidiki didapati ramai lagi musuh di bawah jambatan dan di seberang sungai hingga ke masjid lama pekan Batu Kikir. Setelah orang-orang Melayu lain tiba, maka berlaku pertempuran. Seramai enam belas orang musuh mati. Mayat-mayat mereka telah di-

campakkan ke dalam sungai. Mayat-mayat ini telah tersangkut di hilir sungai dan dikutip oleh tawanan Jepun. Pihak British yang mengarahkan mayat-mayat itu dikutip dan ditanam. Mereka yang terlibat dalam pertempuran tersebut

menyatakan peristiwa itu berlaku lebih kurang lima belas minit.

Mengikut cerita anggota-anggota tentera Bintang Tiga yang terselamat, perkara-perkara pelik telah berlaku ketika pertempuran itu. Ada yang mengatakan orang-orang Melayu yang mereka tembak tingginya lebih kurang lima belas kaki. Mereka yang ditembak pula tidak mengalami apa-apa kecederaan cuma pakaian sahaja yang hancur. Oleh itu mereka terpaksa berundur hingga ke Balai Polis Batu Kikir untuk bertahan. Namun, di situ ramai rakan mereka dibunuh dengan lehernya dipenggal.

Ketika itu, balai polis Batu Kikir dikawal oleh sepasukan polis Punjab. Antara mereka ada yang beragama Islam dan bersubahat



Jambatan di Kg. Bkt. Gombang yang melintasi Sungai Jempol. (Di jambatan inilah mayat ahli Bintang Tiga tersangkut dan diambil oleh tentera Jepun yang ditahan)


dengan orang-orang Melayu. Mereka menunjukkan tempat-tempat persembunyian ahli-ahli Bintang Tiga. Ada yang memberi semangat dengan menjeritkan kata-kata: Sabil! Sabil! Sabil! Namun ada juga yang bersimpati terhadap tentera-tentera Bintang Tiga dan menolong mereka yang cedera. Beberapa orang peniaga Cina juga turut terbunuh kerana orang-orang Melayu tidak dapat membezakan mereka dengan anggota tentera Bintang Tiga. Walau bagaimanapun, barang-barang perniagaan kepunyaan

orang-orang Cina di pekan itu tidak disentuh langsung oleh orang-orang Melayu.

Penduduk-penduduk kampung yang semakin ramai tiba di pekan Batu Kikir cuba mencari Tuan Haji Yahya. Beliau telah dibawa dengan kenderaan menuju ke Kuala Pilah.

Dalam perjalanan, kenderaan tersebut mengalami kerosakan di atas Bukit Engku Sulaiman (di hadapan Sek. Ren. Jenis Keb. (Cina) Batu Kikir sekarang). Tuan Haji Yahya berjaya melepaskan ikatan pada badannya. Beliau bertindak dan

Masjid lama Batu Kikir. Di keliling masjid ada enam buah kubur. (Sekarang kawasan ini telah dibersihkan untuk dijadikan tapak pekan baru Batu Kikir)




berjaya membunuh enam musuh yang mengawalinya.

Peperangan tamat setelah tujuan sebenar untuk menyelamatkan Tuan Haji Yahya berjaya. Saki baki Bintang Tiga melarikan diri ke dalam hutan. Setelah selesai sembahyang Maghrib, para penduduk mula mengumpul mayat-mayat dan senjata yang ditinggalkan musuh. Dalam kesibukan masing-masing, mereka teringatkan Kiai Selamat yang lama tidak kelihatan. Pelbagai spekulasi tentang Kiai Selamat. Ada yang mengatakan beliau berada di dalam Masjid Kampung Lonek, ada yang mengatakan beliau berada di barisan belakang dan yang paling lantang sekali mengatakan beliau seorang pengecut.

Orang-orang kuat Bintang Tiga seperti Ah Pong dan Ujang dapat melarikan diri. Ujang dikatakan telah bertaubat setelah berjumpa dengan Tuan Haji Majid, seorang ulama pada ketika itu. Ah Pong pula telah mati dibunuh pada 13hb. Mei 1969 semasa dalam perjalanan ke Bahau. Dia dikatakan cuba memberi

wang yang banyak kepada pembunuhnya supaya tidak diapa-apakan.

Penduduk Melayu ramai juga yang terkorban dalam pertempuran itu. Ini kemungkinan, ada antaranya yang tidak sempat memiliki 'ijazah'



Pemandangan dari atas Bukit Engku Sulaiman ke arah pekan Batu Kikir. (Guru Yahya berjaya melepaskan diri di sini)

daripada Kiai Selamat. Ada juga dikatakan takbur sewaktu berdepan dengan musuh. Antara yang gugur ialah Abd. Khatib, Hj. Joned, Muin, Seleman, Samsudin, Ahmad (Tok Empat) dan Mahmud. Seramai tujuh orang tercedera, termasuk Samsudin bin Maadah. Beliau ditembak pada dada sebelah kanan. Walaupun ditembak beberapa kali, beliau masih gagah; oleh sebab timbul perasan

takbur, akhirnya beliau luka juga. Samsudin kemudiannya diubati oleh seorang perempuan tua bernama Embong.

Kanak-kanak juga turut serta dalam pertempuran ini. Antaranya, Latif, yang baru berusia dua belas tahun ketika itu. Mengikut cerita Latif, dua orang tentera Bintang Tiga telah berlutut meminta ampun daripadanya. Oleh sebab beliau masih kecil, beliau tidak tergamak untuk membunuh. Namun, kedua-dua pengganas itu telah dipenggal lehernya oleh seorang penduduk keturunan Jawa, Wak Sekam.

Keesokannya, pekan Batu Kikir didatangi Pegawai Daerah Kuala Pilah ketika itu, Gordon Hall. Beliau hairan melihatkan cuma seorang awam sahaja yang mati. Ini tidak seperti yang berlaku di pekan Padang Lebar. Kebanyakan yang mati di pekan Batu Kikir ialah tentera Bintang Tiga. Oleh sebab cuma seorang sahaja orang awam

yang mati, tiada tangkapan dibuat. Beberapa orang penduduk telah dipanggil untuk memberi keterangan termasuk Tuan Haji Yahya.

Ekoran daripada peristiwa berdarah ini, satu majlis berdamai telah diadakan antara orang Melayu dan Cina di Sekolah Kebangsaan Serting Hilir. Majlis ini bertujuan untuk memujuk kedua-dua belah pihak supaya berdamai dan menghilangkan perasan takut dan dendam. Antara yang hadir ialah Lim Chee Hwa (kini bergelar Dato') dari Bahau.

Peristiwa yang telah berlaku harus dijadikan tauladan dan ikhtibar oleh seluruh masyarakat. Untuk hidup aman dan damai, kita harus bertolak ansur dan jangan leka dengan kemewahan yang ada. Sejarah telah membuktikan bahawa kaum yang tidak berwaspada akan hancur kerana musuh sentiasa mencari kesempatan apabila kita khayal dan leka.

Nota

- ¹ Beliau berasal dari Johor tetapi telah lama menetap di Kampung Lonek. Tujuan beliau berada di situ tidak begitu jelas.


BIODATA

INFORMAN

SHAMSUDIN BIN MAADAH

Tarikh lahir : 1906
 Umur : 92 tahun
 Asal : Kg. Tengah, Batu Kikir.
 Pendidikan : Sekolah Melayu Batu Kikir dari tahun 1922 hingga 1927
 Pekerjaan : Kerja kampung. Ketua adat di-Kuala Jempol semenjak 1950-an hingga 1960-an. Bergelar Datuk Pengeran.


Isteri : 1. Selelamah bt. Jabar. Mempunyai dua orang anak lelaki dan seorang perempuan. Meninggal pada tahun 1954.
 2. Sitam dan menetap di Mentakab, Pahang. Memperolehi dua orang anak perempuan.



HAJI HARUN


Tarikh lahir : 1905
 Umur : 91 tahun
 Asal : Kg. Lonek, Batu Kikir.
 Pendidikan : Belajar agama di Kelantan dari 1932 hingga 1938 (sekolah pondok.)
 Pekerjaan : Imam Masjid Kg. Lonek dari tahun 1950-an hingga 1960-an. Sheikh haji dari tahun 1968 hingga 1972. Menjadi guru Takmir dari tahun 1985 hingga 1990. Mengajar agama di Kg. Lonek dan sekitarnya. Kini bersara.

Isteri : Jariah bt. Tudin. Memperoleh sembilan orang anak.




HASHIM BIN ABU

Tarikh lahir : 3hb. Jun 1920
 Umur : 76 tahun
 Asal : Kg. Tapak, Padang Lebar.
 Pendidikan : Sekolah Melayu Padang Lebar dari 1927 hingga 1932
 Pekerjaan : Menoreh getah dan bersawah padi



BIBLIOGRAFI

Fatimah Lamin, Razali Mustafa, dll. 'Perang Batu Kikir. *Warisan*. 14. 1990:33-38.



Peta lakar pekan Simpang (Batu Kikir)
sekitar tahun 1916 berdasarkan ingatan
En. Shamsuddin bin Maadah.

Peta 3